

PM terima rasa kekesalan Pope

UM-20/9/2006

NEW YORK 19 Sept. -- Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menerima rasa kekesalan Pope Benedict XVI berhubung kenyataannya baru-baru ini yang menimbulkan kemarahan umat Islam di seluruh dunia dan berharap ia tidak berulang.

Bercakap pada sidang media selepas mengadakan pertemuan dengan Presiden George W. Bush di sini, beliau yang juga Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) berkata: "Kita faham dan kita boleh terima (kenyataan rasa kesal)."

Menurut Abdullah, isu ini timbul dalam pertemuannya dengan Bush apabila beliau menyatakan bahawa ia merupakan perkara penting dan reaksi besar yang timbul di kalangan umat Islam adalah kerana yang bercakap itu adalah Pope, dan bukannya orang biasa.

Dalam hal ini, menurutnya, Presiden Amerika Syarikat itu menyatakan dia menghormati Islam dan menganggap Islam sebagai agama yang menghendaki keamanan. Abdullah juga menyebut tentang kepentingan semua pihak saling hormat-menghormati.

Pertemuan selama 55 minit yang disifatkan oleh beliau sebagai rancak adalah atas undangan Bush ketika kedua-duanya berada di sini untuk menyampaikan ucapan dalam Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa Bersatu (UNGA).

Bush telah menyampaikan ucapannya hari ini dan Perdana Menteri akan melakukannya Rabu ini.

Menurut Abdullah, Bush meminta kerjasama Perdana Menteri selaku pengerusi OIC untuk melaksanakan usaha-usaha bagi mewujudkan perdamaian di Timur Tengah khususnya masalah Palestin.

Perdana Menteri yang bercadang untuk menemui Presiden Palestin Mahmoud

Abbas menyatakan perlunya sokongan diberikan terhadap usaha mewujudkan kerajaan perpaduan di Palestin.

Menurut beliau, kerajaan perpaduan Palestin ini perlu kerana rakyat Palestin sudah memilih pemimpin mereka melalui pilihan raya.

Katanya, tujuan AS dengan Malaysia adalah sama dalam soal untuk mendapatkan perdamaian, tetapi hanya pendekatan adalah berbeza kerana di pihak negara itu, mereka perlu mengambil kira pandangan daripada kumpulan-kumpulan tertentu.

Apabila ditanya sama ada keikhlasan AS boleh dipercayai kerana isu Palestin sudah berlarutan sekian lama, Perdana Menteri menyatakan bahawa "kita tidak boleh mempersoalkan keikhlasan orang lain. Apa dia cakap, kita terima."

Mengenai Lebanon, kata beliau, Bush

menyambut baik kesediaan Malaysia menghantar tentera di bawah panji-panji PBB iaitu sebagai anggota keamanan.

Terhadap isu nuklear Iran, beliau menyatakan perlunya memastikan rundingan terus dijalankan tetapi dengan tanpa mengenakan syarat sebelum rundingan. "Jangan kenakan syarat," ujar beliau.

Mengenai hubungan dua hala antara Malaysia dan AS, beliau menyebut tentang rundingan perdagangan bebas (FTA) akan diteruskan tetapi dengan mengambil kira perkara-perkara yang boleh merugikan Malaysia.

Selepas pertemuan dengan Bush, Perdana Menteri telah menerima kunjungan Ketua Pengarah Pertubuhan Makanan dan Pertanian PBB, Jacques Diouf.

Menurut beliau, kunjungan Diouf itu adalah kerana pihak FAO itu mendapat taha perhatian berat Perdana Menteri ter-

hadap pertanian.

Menurut beliau, kepentingan pertanian menjadi lebih ketara dengan usaha mencari bahan api alternatif yang boleh diperbaharui. Katanya, di Malaysia, bukan saja ada kelapa sawit tetapi juga bahan lain yang boleh dibangunkan untuk dijadikan sumber.

Katanya, di negara-negara sedang membangun di Afrika, mereka juga mempunyai sumber yang boleh digunakan untuk dikomersialkan sebagai bahan api alternatif yang diperbaharui.

Esok, Perdana Menteri akan mengadakan pertemuan dengan bekas Presiden AS, Bill Clinton. Beliau juga mengadakan pertemuan dengan sekumpulan tokoh pelbagai bidang dalam satu perbincangan mengenai usaha merapatkan hubungan antara Barat dan Timur.